

10 JANUARI 2018

Polis berkas dua buruh miliki 156 paket dadah

Polis berkas dua buruh miliki 156 paket dadah

KULAI - Dua buruh disyaki pengedar dadah ditahan bersama 156 paket mengandungi pelbagai jenis dadah bernilai RM3,580 di hadapan sebuah rumah di Kampung Sepakat Baru, Senai dekat sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintendan **Dzulkhairi Mukhtar** berkata, suspek berusia 18 dan 22 tahun itu ditahan pada pukul 11.15 malam.

Katanya, pemeriksaan awal ke atas badan seorang suspek menemui satu paket plastik disyaki mengandungi ganja seberat 0.85 gram yang disimpan di dalam poket sebelah kiri.

"Pemeriksaan lanjut ke atas kedua-dua suspek turut menemui satu beg gelas yang mengandungi 154 paket plastik lut sinar mengandungi dadah heroin seberat 102.58 gram," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Menurut Dzulkhairi, ujian sa-



DZULKHAIRI menunjukkan antara rampasan pelbagai jenis dadah ketika sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Kulai semalam.

ringan air kencing mendapati salah seorang suspek yang berumur 18 tahun positif dadah jenis Tetrahydrocannabinol.

Difahamkan bekalan dadah yang dirampas daripada kedua-dua suspek ialah untuk pasaran di daerah ini serta kawasan sekitarnya dan ia juga dipercayai mampu dibekalkan kepada 200 penagih.

Kedua-dua suspek kini direman selama tujuh hari bermula semalam dan kes disiasat mengikut Seksyen 39b Akta Dadah Berbahaya 1952.